

ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan	i
Perutusan Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara	ii
1. Pengenalan	1
2. Pelesenan Dan Penguatkuasaan	
A. Pelesenan Perumahan Swasta	2
B. Penguatkuasaan	12
3. Pengurusan Projek Perumahan Bermasalah	
A. Pemantauan Projek Perumahan Swasta	17
B. Pengurusan Projek Perumahan Terbengkalai	19
4. Bahagian Skim Pinjaman Perumahan (SPP)	22
5. Program Perumahan Rakyat (PPR)	28
6. Pengurusan Setinggalan	32
7. Pengurusan Bangunan Dan Harta Bersama	35
8. Pengurusan Aduan Oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN)	38
NOTA KETERANGAN	39

PERUTUSAN

KETUA PENGARAH JABATAN PERUMAHAN NEGARA



Assalamualaikum w.b.t, Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Terlebih dahulu, saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, Laporan Perangkaan Tahunan 2010, Jabatan Perumahan Negara (JPN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) edisi ke-2 dapat diterbitkan dengan jayanya pada tahun ini.

Proses penerbitan Laporan Perangkaan Tahunan 2010 JPN ini dijayakan hasil pengumpulan maklumat dan statistik perumahan daripada Bahagian-bahagian dalaman JPN serta maklumat dan statistik daripada Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Oleh itu, kerjasama dan komitmen daripada semua pihak yang terlibat dalam pengumpulan maklumat dan statistik perumahan ini amat diperlukan untuk menjayakan penerbitan pada kali ini.

Laporan Perangkaan Tahunan 2010 JPN ini diharap akan dapat memberikan manfaat dan input yang berguna kepada pihak yang terlibat dalam sektor perumahan negara. Adalah diharapkan juga laporan ini boleh digunakan untuk pelbagai tujuan khususnya bagi perancangan dan pembangunan perumahan sama ada oleh Kerajaan mahupun pihak swasta.

Akhir kata, syabas dan sekalung penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang idea, tenaga dan masa bagi menghasilkan Laporan Perangkaan Tahunan 2010 JPN ini.

Sekian, terima kasih.


DATO' ABU BAKAR BIN HASSAN

PENGENALAN

A. TUJUAN

Laporan ini bertujuan untuk menyampaikan maklumat perangkaan kepada semua pihak mengenai aktiviti perumahan yang dikawal selia oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN). Adalah diharapkan laporan ini dapat menyediakan maklumat perangkaan serta analisis yang sesuai mengenai aktiviti perumahan di negara ini.

B. SKOP DAN LIPUTAN DATA

Laporan ini mengandungi maklumat perumahan yang dilaksanakan oleh sektor awam dan swasta untuk tahun 2010. Laporan ini menjelaskan aspek kuantitatif dasar dan analisis mengenai aktiviti perumahan yang telah dilaksanakan dalam tahun semasa. Bagi liputan data, perangkaan yang disediakan ini adalah tertumpu kepada Semenanjung Malaysia sahaja. Bagi negeri Sabah dan Sarawak, maklumat perangkaan yang diperolehi adalah terhad kepada pengurusan setinggan dan Program Perumahan Rakyat (PPR) sahaja.

C. PENGUMPULAN DATA

Pengumpulan data perumahan adalah tertumpu kepada rekod dalaman JPN serta maklumat daripada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pengumpulan data tersebut disalurkan melalui bahagian-bahagian di JPN dan seterusnya dikumpulkan untuk dianalisis dan menghasilkan Laporan Perangkaan Tahunan 2010 JPN.


PELESENAN PERUMAHAN SWASTA

A. LESEN

Bagi tahun 2010, sebanyak 1,484 lesen pemajuan perumahan telah dikeluarkan oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang merangkumi sebanyak 1,104 (74.39%) lesen baru dan sebanyak 380 (25.61%) pembaharuan lesen. Secara keseluruhannya, jumlah pengeluaran lesen pemajuan perumahan telah meningkat sebanyak 183 (14.07%) berbanding dengan tahun 2009. Peningkatan lesen baru adalah sebanyak 167 (17.82%) dan pembaharuan lesen adalah sebanyak 16 (4.40%).

JADUAL 1 : BILANGAN PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN DARI TAHUN 2005 HINGGA 2010

TAHUN	BARU	PEMBAHARUAN	JUMLAH
2005	1,209	407	1,616
2006	972	334	1,306
2007	1,005	414	1,419
2008	816	365	1,181
2009	937	364	1,301
2010	1,104	380	1,484
JUMLAH	6,043	2,264	8,307


RAJAH 1 : PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN DARI TAHUN 2005 HINGGA 2010**BILANGAN PELESENAN MENGIKUT NEGERI**

Berdasarkan statistik, bilangan pelesenan yang tertinggi adalah negeri Selangor iaitu sebanyak 426 projek (28.71%) serta mencatatkan bilangan projek yang tertinggi dalam lesen baru dan pembaharuan iaitu sebanyak 335 projek dan 91 projek. Ini diikuti oleh negeri Johor sebanyak 244 projek (16.44%).

JADUAL 2 : BILANGAN PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN MENGIKUT NEGERI DARI JANUARI HINGGA DISEMBER 2010

NEGERI	BARU	PEMBAHARUAN	JUMLAH
SELANGOR	335	91	426
JOHOR	166	78	244
PERAK	128	71	199
KEDAH	82	26	108
PULAU PINANG	77	31	108
PAHANG	86	18	104
W.P. KUALA LUMPUR	65	10	75
NEGERI SEMBILAN	51	17	68
MELAKA	45	19	64
KELANTAN	33	12	45
TERENGGANU	27	7	34
PERLIS	8	0	8
W.P. PUTRAJAYA	1	0	1
JUMLAH	1,104	380	1,484

RAJAH 2 : BILANGAN PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN MENGIKUT NEGERI PADA TAHUN 2010



B. PERMIT IKLAN & JUALAN


Bagi tahun 2010, sebanyak 2,587 permit iklan dan jualan telah dikeluarkan oleh JPN, KPKT yang merangkumi permit iklan dan jualan baru sebanyak 1,068 (41.28%) dan pembaharuan permit iklan dan jualan sebanyak 1,519 (58.72%). Secara keseluruhannya, jumlah pengeluaran permit iklan dan jualan telah menurun sebanyak 31 permit (1.18%) berbanding dengan tahun 2009.

Namun begitu, jumlah pengeluaran permit iklan dan jualan baru mencatatkan peningkatan sebanyak 147 (15.96%).

**JADUAL 3 : BILANGAN PENGELUARAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN
DARI TAHUN 2005 HINGGA TAHUN 2010**

TAHUN	BARU	PEMBAHARUAN	JUMLAH
2005	1,203	1,726	2,929
2006	989	1,683	2,672
2007	1,011	1,699	2,710
2008	822	1,477	2,299
2009	921	1,697	2,618
2010	1,068	1,519	2,587
JUMLAH	6,014	9,801	15,815

**RAJAH 3 :PENGELUARAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN BARU DARI
TAHUN 2005 HINGGA TAHUN 2010**



BILANGAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN MENGIKUT NEGERI


Pada tahun 2010, negeri Selangor mencatatkan bilangan projek perumahan yang mendapat permit iklan dan jualan tertinggi iaitu sebanyak 647 projek (25.00%) serta mencatatkan bilangan projek yang tertinggi dalam permit iklan dan jualan baru (341 projek). Ini diikuti oleh negeri Johor yang mencatatkan bilangan permit iklan dan jualan projek perumahan sebanyak 500 projek (19.33%) yang merangkumi permit iklan dan jualan baru sebanyak 323 projek dan pembaharuan permit iklan dan jualan sebanyak 177 projek. Wilayah Persekutuan Putrajaya mencatatkan bilangan projek perumahan yang memperolehi permit iklan dan jualan terendah iaitu 1 pembaharuan permit iklan dan jualan dan 5 permit iklan dan jualan baru pada tahun 2010.

JADUAL 4 : BILANGAN PENGELUARAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN MENGIKUT NEGERI DARI JANUARI HINGGA DISEMBER 2010

NEGERI	BARU	PEMBAHARUAN	JUMLAH
SELANGOR	306	341	647
JOHOR	177	323	500
PERAK	116	193	309
PULAU PINANG	73	137	210
PAHANG	97	108	205
KEDAH	80	105	185
MELAKA	45	83	128
NEGERI SEMBILAN	47	78	125
W.P. KUALA LUMPUR	54	71	125
KELANTAN	32	43	75
TERENGGANU	29	22	51
PERLIS	11	10	21
W.P. PURTAJAYA	1	5	6
JUMLAH	1,068	1,519	2,587

**RAJAH 4 : BILANGAN PENGELUARAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN
MENGIKUT NEGERI PADA TAHUN 2010**

BIL




C. UNIT YANG DILULUSKAN

Pada tahun 2010, sebanyak 120,801 unit rumah telah diluluskan untuk pembinaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 6,079 unit (5.03%) adalah perumahan kos rendah, 8,332 unit (6.90%) adalah rumah kos sederhana dan 106,390 unit (88.07%) adalah perumahan kos bebas.

Jumlah unit rumah yang diluluskan telah meningkat sebanyak 23,085 unit (23.62%) berbanding tahun 2009. Peningkatan ini adalah didorong oleh peningkatan dalam kategori rumah kos rendah sebanyak 34.19% dan rumah kos bebas sebanyak 31.61% manakala unit rumah kos sederhana mencatatkan penurunan iaitu sebanyak 32.52%.

Secara keseluruhannya, nisbah lesen baru dengan unit rumah yang diluluskan adalah 1:109 pada tahun 2010 berbanding 1:106 pada tahun 2009. Nisbah antara lesen baru dan unit rumah yang diluluskan telah meningkat dengan skala yang kecil.

RAJAH 5 : UNIT RUMAH YANG DILULUSKAN MENGIKUT KATEGORI HARGA DARI TAHUN 2005 HINGGA 2010



BILANGAN UNIT RUMAH DILULUSKAN MENGIKUT NEGERI DAN JENIS

Daripada 120,801 unit rumah yang diluluskan pada tahun 2010, negeri Selangor mencatatkan bilangan unit rumah yang diluluskan pembinaan paling tinggi iaitu sebanyak 42,672 unit (35.32%). Ini diikuti oleh negeri Johor sebanyak 18,814 unit (15.57%) manakala negeri Perlis mencatatkan bilangan yang terendah dalam unit rumah yang diluluskan iaitu sebanyak 412 pada tahun 2010.

Rumah teres merupakan jenis rumah yang menjadi pilihan oleh pemaju swasta dalam pembinaan rumah baru iaitu sebanyak 54,985 unit (45.52%) daripada jumlah unit rumah yang telah diluluskan. Ini diikuti oleh rumah pangsapuri/kondominium yang mencatatkan 24,198 unit (20.03%) manakala rumah kedai merupakan jenis rumah yang terendah diluluskan iaitu sebanyak 653 unit ataupun 0.54% daripada jumlah unit yang diluluskan pada tahun 2010.

JADUAL 5 : UNIT RUMAH YANG TELAH DILULUSKAN MENGIKUT JENIS RUMAH DAN NEGERI PADA TAHUN 2010

NEGERI	RUMAH KLUSTER	RUMAH BERKEMBAR	RUMAH TERES	RUMAH SESEBUAH	RUMAH KEDAI	RUMAH PANGSA/ CONDO	RUMAH BANDAR	PANSAPURI SERVIS	SEMUA
SELANGOR	1,646	4,316	16,793	1,252	411	10,010	1,027	7,217	42,672
JOHOR	1,086	1,687	10,681	464	41	2,232	739	1,884	18,814
W.P. KUALA LUMPUR	0	435	700	102	0	6,368	128	4,658	12,391
PERAK	388	1,848	7,339	333	38	920	0	442	11,308
PULAU PINANG	269	988	4,693	458	94	2,138	151	2	8,793
KEDAH	36	2,543	4,016	470	51	0	0	0	7,116
NEGERI SEMBILAN	74	664	3,517	306	0	678	24	0	5,263
PAHANG	19	1,542	2,654	241	0	640	0	0	5,096
MELAKA	247	1,090	2,598	240	8	312	0	321	4,816
KELANTAN	0	183	1,229	197	3	48	0	523	2,183
TERENGGANU	0	440	517	121	7	0	0	0	1,085
W.P. PUTRAJAYA	0	0	0	0	0	852	0	0	852
PERLIS	0	156	248	8	0	0	0	0	412
JUMLAH	3,765	15,892	54,985	4,192	653	24,198	2,069	15,047	120,801


**JADUAL 6 : BILANGAN UNIT RUMAH YANG DILULUSKAN PEMBINAAN
MENGIKUT KATEGORI HARGA RUMAH BAGI TAHUN 2005-2010**

TAHUN	HARGA RENDAH	HARGA SEDERHANA	HARGA BEBAS	JUMLAH
2005	20,450	36,875	93,793	151,118
2006	15,689	31,535	75,497	122,721
2007	9,360	23,227	82,680	115,267
2008	5,843	13,007	74,934	93,784
2009	4,530	12,348	80,838	97,716
2010	6,079	8,332	106,390	120,801
JUMLAH	61,951	125,324	514,132	701,407

PELABURAN SWASTA DALAM SEKTOR PERUMAHAN

Dalam tahun 2010, sektor swasta telah melabur sebanyak RM 4,723.46 juta dalam sektor perumahan. Pelaburan swasta dalam sektor perumahan telah meningkat sebanyak RM 750.71 juta (18.87%) berbanding dengan RM 3,972.75 juta pada tahun 2009.

RAJAH 6 : PELABURAN SWASTA DALAM SEKTOR PERUMAHAN, 2009 DAN 2010



PENGUATKUASAAN PEMAJU PERUMAHAN SWASTA


A. KOMPAUN

Bagi tahun 2010, sebanyak 1,020 notis kompaun yang melibatkan 943 pemaju telah dikeluarkan oleh JPN bagi kesalahan-kesalahan seperti berikut:

- i) Kesalahan tidak menghantar laporan kewangan serta laporan juruaudit kepada Pengawal Perumahan [subseksyen 7(e) Akta 118];
- ii) Kesalahan tidak menghantar laporan kemajuan projek [subseksyen 7(f) Akta 118];
- iii) Kesalahan pengiklanan yang berbeza daripada yang diluluskan oleh Pengawal Perumahan [subperaturan 5(1A), Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989]; dan
- iv) Kesalahan Iklan Penjualan [subperaturan 6(1), Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989].

Jumlah notis kompaun yang telah dikeluarkan telah meningkat sebanyak 434 notis (74.06%) berbanding dengan tahun 2009. Seiring dengan pertambahan jumlah notis kompaun yang dikenakan ke atas pemaju, kutipan kompaun turut meningkat sebanyak RM 732,000 (28.08%) daripada RM2,606,600.00 (2009) kepada RM 3,338,600 (2010).

RAJAH 7 : STATISTIK KOMPAUN DARI TAHUN 2006 HINGGA 2010




Secara keseluruhannya, notis kompaun yang dikenakan ke atas pemaju yang tidak menghantar laporan kewangan dan laporan juruaudit (subperaturan 7(e)) mencatatkan bilangan paling tinggi iaitu sebanyak 500 notis kompaun (49.02%). Bagi kesalahan-kesalahan lain seperti pemaju yang gagal mematuhi syarat permit iklan dan jualan (subperaturan 5(1A)) pula mencatatkan 8 kes (0.78%) manakala pemaju yang melanggar kesalahan iklan penjualan (subperaturan 6(1)) pula sebanyak 201 kes (19.71%). Pemaju yang gagal menghantar laporan kemajuan projek (subperaturan 7(f)) pula telah mencatatkan sebanyak 311 kes (30.49%).

**JADUAL 7 : JENIS KESALAHAN DIKENAKAN KOMPAUN KE ATAS PEMAJU,
TAHUN 2009 DAN 2010**

TAHUN	KESALAHAN DI BAWAH AKTA / PERATURAN							JUMLAH
	P5(1A)	P5(6)	P6(1)	S7(a)	S7(b)	S7(e)	S7(f)	
2009	17	0	157	0	0	331	81	586
2010	8	0	201	0	0	500	311	1,020

**RAJAH 8 : JENIS KESALAHAN DIKENAKAN KOMPAUN KE ATAS PEMAJU
BAGI TAHUN 2009 DAN 2010**



KESALAHAN	KETERANGAN
Seksyen 7(f)	Gagal Kemukakan Laporan Kemajuan Projek
Peraturan 5(1A)	Gagal Mengikut Syarat Permit Iklan Dan Jualan
Peraturan 6(1)	Kesalahan Iklan Penjualan
Seksyen 7(e)	Gagal Kemukakan Laporan Juruaudit Kepada Pengawal Perumahan

B. PENDAKWAAN

Pada tahun 2010, sejumlah 1,200 kertas siasatan telah disediakan oleh JPN ke atas pemaju yang melanggar undang-undang. Bilangan kes pemaju yang melanggar undang-undang juga telah meningkat sebanyak 413 kes (52.48%) berbanding dengan 787 kes pada tahun 2009.

Kegagalan pemaju mematuhi Award yang dikeluarkan oleh Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) di bawah subseksyen 16AD(1) merupakan kesalahan yang paling banyak disediakan kertas siasatan iaitu 914 kes(76.62%). Ini diikuti oleh kesalahan di bawah subseksyen 7(f) yang melibatkan 108 kes.

**JADUAL 8 : KERTAS SIASATAN YANG TELAH DISEDIAKAN DARI
TAHUN 2005 HINGGA 2010**

TAHUN	S.5(1)	S.5(2)	S.7(f)	S.16AD(1)	P.5(1)	P.6(1)	P.11(1)	LAIN-LAIN	JUMLAH
2005	1	6	14	523	-	8	-	3	555
2006	-	-	-	95	-	-	-	-	95
2007	1	-	-	79	-	-	-	-	80
2008	6	-	13	405	-	-	-	1	425
2009	5	-	159	612	-	1	-	10	787
2010	104	3	108	914	5	7	2	57	1,200
JUMLAH	117	9	294	2628	5	16	2	71	3142

Sepanjang tahun 2010, sebanyak 541 kes telah didaftarkan di mahkamah bagi pelbagai kesalahan di bawah peruntukan Akta 118 yang dilakukan oleh pemaju perumahan. Jumlah kes yang telah didaftarkan di mahkamah telah meningkat 149 kes (38.01%) daripada 392 kes pada tahun 2009 kepada 541 kes pada tahun 2010. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 183 kes telah diselesaikan dan bakinya masih berjalan di mahkamah. Antara kesalahan-kesalahan yang utama adalah kegagalan mengemukakan Laporan Kemajuan Projek, kegagalan mengemukakan Laporan Kewangan Beraudit Tahunan, Ingkar Award yang dikeluarkan oleh Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) serta menjalankan pemajuan perumahan tanpa lesen.

JADUAL 9 : STATISTIK PENDAKWAAN DARI JANUARI HINGGA DISEMBER 2010

BULAN	JUMLAH KES BARU YANG DIDAFTRAKAN DI MAHKAMAH	JUMLAH KES MASIH BERJALAN DI MAHKAMAH	JUMLAH KES SELESAI
JANUARI	36	36	0
FEBRUARI	17	17	0
MAC	20	20	0
APRIL	46	45	1
MEI	33	30	3
JUN	84	68	16
JULAI	76	63	13
OGOS	48	31	17
SEPTEMBER	65	25	40
OKTOBER	33	0	33
NOVEMBER	58	23	35
DISEMBER	25	0	25
JUMLAH	541	358	183

C. SENARAI HITAM

Sehingga 31 Disember 2010, seramai 626 pemaju dan 2,435 ahli lembaga pengarah telah disenarai hitamkan oleh JPN disebabkan oleh pelbagai kesalahan yang dilakukan oleh pemaju.


PENGURUSAN PROJEK PERUMAHAN BERMASALAH

A. PEMANTAUAN PROJEK PERUMAHAN SWASTA

PROJEK LEWAT

Sehingga 31 Disember 2010, bilangan Projek Lewat adalah sebanyak 43 projek yang melibatkan sebanyak 4,771 unit rumah dan 2,774 pembeli. Bilangan Projek Lewat yang tertinggi dicatatkan di negeri Selangor iaitu sebanyak 12 projek (27.91%) dan melibatkan 1,130 rumah dan 798 pembeli manakala Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula mencatatkan yang penglibatan unit rumah dan bilangan pembeli yang tertinggi dengan 7 Projek Lewat iaitu sebanyak 1,387 unit rumah dan 958 pembeli. Selain itu, tiada Projek Lewat dilaporkan di negeri Melaka, negeri Perlis dan negeri Terengganu.

RAJAH 9 : PROJEK LEWAT SEHINGGA 31 DISEMBER 2010




PROJEK SAKIT

Sehingga 31 Disember 2010, bilangan Projek Sakit pula adalah sebanyak 228 projek yang melibatkan sebanyak 38,359 unit rumah dan 27,368 pembeli.

Semua negeri di Semenanjung Malaysia mencatatkan Projek Sakit. Bilangan Projek Sakit yang tertinggi dicatatkan di negeri Selangor dengan 84 projek (36.84%) yang melibatkan 19,234 unit rumah dan 13,467 pembeli. Ini diikuti oleh negeri Johor dengan 14.91% (34 projek) yang melibatkan 5,478 unit rumah dan 4,837 pembeli. Negeri Perlis pula mencatatkan bilangan Projek Sakit yang paling rendah iaitu sebanyak 0.88% (2 projek) dengan 68 unit rumah dan 38 pembeli.

RAJAH 10 : PROJEK SAKIT SEHINGGA 31 DISEMBER 2010



B. PENGURUSAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGGALAI


PROJEK TERBENGGALAI MENGIKUT NEGERI

Bagi tahun 2010, negeri Selangor mencatatkan bilangan projek terbengkalai tertinggi iaitu sebanyak 44 projek (21,971 rumah dan 16,210 pembeli) daripada keseluruhan 161 projek perumahan terbengkalai. Ini diikuti oleh negeri Johor sebanyak 34 projek (8,334 unit rumah dan 3,927 pembeli). Selain itu, negeri Perlis tidak mencatatkan sebarang projek perumahan terbengkalai sehingga tahun 2010.

JADUAL 10 : PROJEK TERBENGGALAI BAGI TAHUN 2009 DAN 2010 MENGIKUT NEGERI

NEGERI	2009			2010		
	BIL. PROJEK	UNIT RUMAH	BIL. PEMBELI	BIL. PROJEK	UNIT RUMAH	BIL. PEMBELI
JOHOR	33	8,196	3,876	34	8,334	3,927
KEDAH	9	1,374	713	9	1,018	708
KELANTAN	3	519	367	4	569	404
MELAKA	7	975	570	7	949	570
NEGERI SEMBILAN	20	4,653	2,411	21	3,572	2,467
PAHANG	11	3,016	2,050	11	2,912	2,153
PERAK	6	972	578	8	1,101	680
PERLIS	0	0	0	0	0	0
PULAU PINANG	12	7,253	5,112	14	6,660	3,723
SELANGOR	40	20,526	14,762	44	21,971	16,210
TERENGGANU	1	21	20	1	21	19
W.P. KUALA LUMPUR	6	2,408	1,365	8	3,498	1,987
JUMLAH	148	49,913	31,824	161	50,605	32,848

**RAJAH 11 : STATISTIK PROJEK PERUMAHAN TERBENGGKALAI
SEHINGGA 31 DISEMBER 2010**



PEMULIHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI

Sebanyak 13 projek baru telah disenaraikan sebagai projek terbengkalai sepanjang tahun 2010. Ini menyebabkan jumlah projek terbengkalai meningkat kepada 161 projek daripada 148 projek yang disenaraikan pada tahun 2009.

Daripada 161 projek tersebut, sebanyak 60 projek (37.27%) sedang di peringkat awal perancangan pemulihan, 50 projek (31.06%) masih dalam proses pemulihan dan sebanyak 51 projek (31.67%) telah disiapkan atau selesai dan seterusnya dikeluarkan dari senarai projek perumahan terbengkalai. Ini menjadikan jumlah projek terbengkalai yang dibawa ke tahun 2011 adalah sebanyak 110 projek.

**JADUAL 11: PEMULIHAN PROJEK TERBENGKALAI BAGI TAHUN 2008
HINGGA DISEMBER 2010**

TAHUN	DISEMBER 2008	DISEMBER 2009	DISEMBER 2010
Projek Sedia Ada	270	144	133
Projek Baru	-	4	13
Jumlah	270	148	146
Diselesaikan	126	15	36
Baki	144	133	110

SKIM PINJAMAN PERUMAHAN (SPP)

A. PERMOHONAN

Bagi tahun 2010, terdapat 135 permohonan Skim Pinjaman Perumahan (SPP) diterima daripada seluruh Semenanjung Malaysia. Jumlah permohonan ini telah berkurangan sebanyak 44.89% daripada 245 permohonan pada tahun 2009 kepada 135 permohonan pada tahun 2010. Daripada 135 permohonan, sebanyak 81 permohonan (60.00%) adalah daripada penduduk yang berasal dari negeri Kelantan dan diikuti oleh negeri Perak dengan 22 permohonan. Hanya 1 permohonan diterima daripada penduduk negeri Melaka sepanjang tahun 2010 manakala tiada permohonan daripada penduduk negeri-negeri seperti Negeri Sembilan, Perlis, Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sebanyak 97 permohonan (71.85%) telah mendapat kelulusan pinjaman SPP daripada 135 permohonan yang telah diterima. Walaupun bilangan permohonan SPP telah menurun sebanyak 44.89% berbanding tahun 2009, peratusan kelulusan telah meningkat daripada 54.59%(146) pada tahun 2009 kepada 71.85 % (97) pada tahun 2010.


JADUAL 12 : PERMOHONAN DITERIMA DAN DILULUSKAN DALAM TAHUN 2009 DAN 2010

NEGERI	TAHUN 2009		TAHUN 2010	
	PERMOHONAN	DILULUSKAN	PERMOHONAN	DILULUSKAN
JOHOR	17	7	4	3
KEDAH	77	43	21	19
KELANTAN	121	85	81	56
PAHANG	4	4	6	3
PERAK	13	6	22	16
PERLIS	6	1	0	0
PULAU PINANG	4	0	0	0
SELANGOR	2	0	0	0
NEGERI SEMBILAN	1	0	0	0
MELAKA	0	0	1	0
JUMLAH	245	146	135	97

Terdapat seramai 97 orang pemohon atau 71.85% yang telah mendapat kelulusan pinjaman SPP dengan nilai pinjaman sebanyak RM 2.3 juta dalam tahun 2010. Pemohon dari negeri yang mendapat kelulusan pinjaman SPP yang tertinggi adalah negeri Kelantan iaitu sebanyak 56 peminjam.

**JADUAL 13 : KEDUDUKAN PERMOHONAN SPP DARI TAHUN 1976
SEHINGGA 31 DISEMBER 2010**


PERMOHONAN NEGERI	BILANGAN PERMOHONAN	BILANGAN PERMOHONAN BATAL / TOLAK	KELULUSAN BERSIH
JOHOR	724	410	314
KEDAH	2,855	1,253	1,595
KELANTAN	6,483	3,193	3,257
MELAKA	239	160	79
NEGERI SEMBILAN	405	327	78
PAHANG	1,207	879	327
PERAK	2,436	1,350	1,081
PERLIS	268	172	96
PULAU PINANG	59	54	5
SELANGOR	633	313	320
TERENGGANU	1,739	1,123	616
W.P. KUALA LUMPUR	133	120	13
JUMLAH BESAR %	17,181	9,354 54.44	7,781 45.29

RAJAH 12 : PERMOHONAN DAN KELULUSAN SPP BAGI TAHUN 2010

B. KUTIPAN

Sebanyak RM 5.26 juta bayaran balik telah berjaya dikutip sepanjang tahun 2010. Jumlah kutipan tersebut telah meningkat sebanyak RM 1.56 juta (42.08%) iaitu daripada RM 3.70 juta (2009) kepada RM 5.26 juta (2010). Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM 1.3 juta (24.71%) merupakan hasil daripada kutipan luar yang dijalankan melalui Program Kesedaran. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh Program Kesedaran yang telah dilaksanakan sebanyak 13 kali sepanjang tahun 2010 yang melibatkan negeri Kelantan, Terengganu, Perak, Kedah dan Pahang.

Pada tahun 2010, kutipan bayaran balik pada bulan Oktober adalah yang paling tinggi iaitu sebanyak RM 829,624.22. Peningkatan ini adalah hasil daripada tiga Program Kesedaran yang telah dijalankan di Negeri Kelantan, Perak dan Kedah. Ini diikuti oleh bulan Julai yang mencatatkan kutipan sebanyak RM 703,686.77. Selain itu, bulan Januari merupakan bulan yang mencatatkan kutipan bayaran balik yang terendah iaitu sebanyak RM 179,944.85.

RAJAH 13 : KUTIPAN BAYARAN BALIK PINJAMAN SPP TAHUN 2010**JADUAL 14 : KUTIPAN BALIK PINJAMAN SPP TAHUN 2005 HINGGA 2010**


BULAN	2005	2006	2007	2008	2009	2010
	(RM)					
JANUARI	50,608.88	37,800.87	102,468.79	149,034.95	278,383.47	179,944.85
FEBRUARI	67,080.56	81,028.08	67,766.22	279,204.83	214,004.93	306,449.21
MAC	221,235.27	158,057.21	92,031.81	119,983.07	204,549.05	422,997.18
APRIL	193,410.18	170,877.35	514,485.24	662,034.01	248,870.69	570,355.98
MEI	96,274.52	101,414.68	131,672.60	118,371.52	836,875.29	339,331.75
JUN	51,844.15	88,329.67	37,519.82	181,326.30	179,270.21	224,026.86
JULAI	66,753.93	70,258.03	165,702.57	446,058.48	329,577.10	703,686.77
OGOS	60,770.40	378,498.41	247,161.62	398,843.35	426,257.48	272,177.76
SEPTEMBER	160,672.44	171,628.47	416,158.57	99,755.40	92,049.54	400,710.39
OKTOBER	39,350.16	64,315.87	70,269.36	249,331.33	124,215.53	829,624.22
NOVEMBER	20,309.22	116,795.74	161,477.52	148,747.13	340,888.06	417,595.01
DISEMBER	63,661.48	79,681.15	113,716.56	121,402.37	425,293.78	590,697.70
JUMLAH	1,091,971.19	1,518,685.53	2,120,430.68	2,974,092.74	3,700,235.13	5,257,597.68
PURATA	90,997.60	126,557.13	176,702.56	247,841.06	308,352.93	438,133.14

C. TUNGGAKAN

Sehingga 31 Disember 2010, jumlah peminjam yang mendapat pinjaman daripada SPP adalah seramai 7,781 orang manakala jumlah tunggakan bayaran pula mencatatkan RM 8.87 juta (2,698 peminjam). Jumlah tunggakan ini telah menurun RM 0.99 juta (10.04%) daripada RM 9.86 juta (2009) kepada RM8.87 juta (2010).

Jumlah peminjam yang mempunyai tunggakan adalah seramai 2,698 orang. Negeri yang mencatatkan tunggakan yang paling banyak adalah negeri Kelantan iaitu sebanyak RM3.32 juta (1,089 peminjam). Ini diikuti oleh negeri Kedah yang mencatatkan sebanyak RM 2.72 juta (786 peminjam). Negeri yang mempunyai tunggakan yang paling rendah adalah Pulau Pinang iaitu sebanyak RM 2,490.60 (1 peminjam).

RAJAH 14 : TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN SPP TAHUN 2010



JADUAL 15 : JUMLAH TUNGGAKAN TERKUMPUL SEHINGGA 31 DISEMBER 2010

NEGERI	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)	BILANGAN PEMINJAM
JOHOR	409,326.57	139
KEDAH	2,727,372.86	786
KELANTAN	3,322,466.13	1,089
MELAKA	39,319.87	15
NEGERI SEMBILAN	81,165.07	21
PAHANG	233,149.96	97
PERAK	1,520,948.69	421
PERLIS	41,096.13	16
PULAU PINANG	2,490.60	1
SELANGOR	62,000.19	21
TERENGGANU	416,102.36	91
W.P. KUALA LUMPUR	10,098.75	1
JUMLAH	8,865,537.18	2,698

PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR)

A. STATUS KESELURUHAN

Program Perumahan Rakyat (PPR) adalah bertujuan untuk menyediakan kemudahan perumahan kepada golongan berpendapatan rendah dan penempatan semula setinggan. Terdapat dua jenis PPR yang dilaksanakan oleh JPN iaitu PPR Disewa dan PPR Dimiliki (Dijual).

Sehingga 31 Disember 2010, JPN telah melaksanakan sebanyak 110 projek PPR (79,456 unit) yang meliputi 84 projek (75,904 unit) PPR Disewa dan 26 projek (3,552 unit) PPR Dimiliki.

Bagi PPR Disewa, sebanyak 61 projek yang mengandungi 60,136 unit telah siap dibina, manakala 23 projek (15,768 unit) sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan.

Bagi PPR Dimiliki pula, sebanyak 21 projek (3,030 unit) telah pun siap dengan kelulusan Sijil Layak Menduduki (CFO), manakala 5 projek (522 unit) sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan.

JADUAL 16 : STATUS PELAKSANAAN PPR SEHINGGA 31 DISEMBER 2010


PROGRAM	JUMLAH PROJEK		JUMLAH PROJEK SIAP		JUMLAH PROJEK DALAM PEMBINAAN	
	BIL. PROJEK	BIL. UNIT	BIL. PROJEK	BIL. UNIT	BIL. PROJEK	BIL. UNIT
PPR DISEWA	84	75,904	61	60,136	23	15,768
I) BERSEPADU	53	53,348	49	49,768	6	5,380
II) DASAR BARU	31	22,556	12	10,368	17	10,388
PPR DIMILIKI (PAHANG)	26	3,552	21	3,030	5	522
JUMLAH	110	79,456	82	63,166	28	16,290

B. STATUS PENGISIAN PPR DISEWA

Sehingga 31 Disember 2010, sebanyak 55,364 unit PPR telah disiapkan dan diserahkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Daripada jumlah tersebut, 49,194 unit PPR (88.86%) telah disewakan kepada golongan setinggan dan golongan berpendapatan rendah manakala baki 6,170 unit (11.14%) adalah dalam proses pengisian.

Secara keseluruhan, negeri Sabah merupakan negeri yang mempunyai kadar kekosongan unit yang paling tinggi iaitu 1,950 unit (31.60%). Ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 1,801 unit (29.20%). Negeri Sarawak pula merupakan negeri yang mempunyai 100% pengisian unit-unit PPR.

**RAJAH 15 : BILANGAN KEKOSONGAN PPR DISEWA SEHINGGA
31 DISEMBER 2010**




C. STATUS PENJUALAN PPR DIMILIKI

Kesemua projek PPR Dimiliki yang dilaksanakan sehingga kini adalah terdapat di negeri Pahang sahaja. Sehingga 31 Disember 2010, sebanyak 21 projek (3,030 unit) telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pahang bagi tujuan penjualan kepada golongan berpendapatan rendah yang layak. Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,771 unit (91.50%) telah ditawarkan kepada pembeli dan telah ditandatangani perjanjian jual beli. Sementara itu, baki sebanyak 259 unit (8.55%) adalah masih kosong dan dalam proses penjualan.

Daripada 21 projek PPR yang siap dengan CFO, 7 projek telah dijual sepenuhnya, iaitu PPR Muadzam Shah, PPR Padang Tengku, PPR Jengka, PPR Bukit Mendi, PPR Paloh Hinai, PPR Tg. Selangor Fasa 1 dan PPR Kg. Baru Gambang.

RAJAH 16 : KADAR PENJUALAN PPR DIMILIKI TAHUN 2010



D. SENARAI PROJEK BARU RMK-10

Terdapat 5 projek baru yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 yang melibatkan 2,750 unit rumah, iaitu PPR Kg. Hassan (Selangor), PPR Mengkuang Tandop (Pulau Pinang), PPR Kuala Perlis (Perlis), PPR Gua Musang (Kelantan) dan PPR Batu Sapi (Sabah).

JADUAL 17 : SENARAI PROJEK BARU PPR RMK-10


BIL.	SENARAI PROJEK BARU RMK-10	BIL. UNIT
1	PPR Kg. Hassan, Hulu Selangor, Selangor	500
2	PPR Mengkuang Tandop, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	250
3	PPR Kuala Perlis, Perlis	200
4	PPR Gua Musang, Kelantan	1,500
5	PPR Batu Sapi, Sandakan, Sabah	500
JUMLAH KESELURUHAN		2,950

PENGURUSAN SETINGGAN

Sehingga 31 Disember 2010, bilangan keluarga setingan yang masih belum diselesaikan adalah sebanyak 88,443 keluarga. Bilangan keluarga setingan ini telah menurun sebanyak 10,579 keluarga (10.68%) daripada 99,022 keluarga setingan pada tahun 2009.


Negeri Sabah mencatatkan bilangan keluarga setingan yang paling ramai iaitu 37,965 keluarga (42.93%). Ini diikuti oleh negeri Johor sebanyak 10,982 keluarga setingan (12.42%) manakala negeri Melaka hanya mempunyai 29 keluarga setingan (0.03%) dan merupakan negeri yang mempunyai bilangan keluarga setingan yang paling rendah.

RAJAH 17 : STATISTIK SETINGGAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2010



Bagi perbandingan secara tahunan (perbandingan antara tahun 2009 dan tahun 2010), sebanyak 3 negeri telah mencatat peningkatan dari segi bilangan keluarga setinggian yang belum dipindahkan. Negeri yang mencatatkan peratusan peningkatan paling tinggi adalah Negeri Sembilan iaitu sebanyak 21.83% daripada 284 (tahun 2009) kepada 346 (2010). Ini diikuti oleh Negeri Sarawak sebanyak 2.97% daripada 8,563 (tahun 2009) kepada 8,817 (tahun 2010). Selain itu, sebanyak 11 negeri pula mencatatkan penurunan berbanding dengan tahun 2009. Daripada 11 negeri tersebut, negeri yang mencatatkan peratusan penurunan yang paling tinggi ialah Kuala Lumpur iaitu sebanyak 4,715 keluarga (57.67%) daripada 8,176 pada tahun 2009 kepada 3,461 pada tahun 2010. Ini diikuti oleh Negeri Perak sebanyak 4,613 keluarga (35.19%) daripada 13,109 pada tahun 2009 kepada 8,496 pada tahun 2010.

RAJAH 18 : PERBANDINGAN BILANGAN SETINGGAN ANTARA TAHUN 2009 DAN 2010



JADUAL 18 : BILANGAN KELUARGA SETINGGAN PADA TAHUN 2009 DAN 2010

NEGERI	2009	2010
JOHOR	12,123	10,982
KEDAH	3,633	3,608
KELANTAN	1,654	1,439
KUALA LUMPUR	8,176	3,461
LABUAN	969	970
MELAKA	32	29
NEGERI SEMBILAN	284	346
PAHANG	1,141	1,133
PERAK	13,109	8,496
PERLIS	2,221	2,207
PULAU PINANG	4,486	4,382
SABAH	37,965	37,965
SARAWAK	8,563	8,817
SELANGOR	3,964	3,926
TERENGGANU	702	682
JUMLAH	99,022	88,443

PENGURUSAN BANGUNAN DAN HARTA BERSAMA

A. PENGURUSAN KAWASAN PEMAJUAN


Sehingga 31 Disember 2010, terdapat 13,023 bilangan kawasan pemajuan yang melibatkan bilangan petak ataupun unit rumah sebanyak 1,367,721. Pihak pengurusan yang dilaksanakan oleh pemaju adalah yang paling tinggi iaitu 5,340 (41.00%) daripada jumlah kawasan pemajuan. Ini diikuti oleh Perbadanan Pengurusan (MC) sebanyak 4,455 (34.21%) manakala, sebanyak 2,363 (18.14%) adalah diuruskan oleh Badan Pengurusan Bersama (JMC). Kawasan pemajuan yang diuruskan oleh ejen yang dilantik oleh Pesuruhjaya Bangunan pula adalah sebanyak 251 (1.93%) daripada jumlah kawasan pemajuan.

JADUAL 19 : BILANGAN DAN JENIS PIHAK PENGURUSAN DI KAWASAN PEMAJUAN SEHINGGA DISEMBER 2010

BIL.	NEGERI	KAWASAN PEMAJUAN		PIHAK PENGURUSAN				
		BIL. KAWASAN PEMAJUAN	BIL. PETAK	PEMAJU	JMC	MC	EJEN	LAIN - LAIN
1	JOHOR	635	111,744	134	199	282	3	17
2	KEDAH	147	8,771	67	16	4	0	60
3	KELANTAN	14	4,212	5	6	3	0	0
4	MELAKA	928	39,187	203	63	479	5	178
5	NEGERI SEMBILAN	358	40,430	222	55	62	0	19
6	PAHANG	180	18,254	45	47	31	8	49
7	PERAK	208	18,237	100	50	44	0	14
8	PERLIS	2	166	0	0	2	0	0
9	PULAU PINANG	1,999	209,226	1,178	260	511	31	19
10	SELANGOR	3,653	574,369	1,492	1,123	578	204	256
11	TERENGGANU	37	4,538	6	8	21	0	2
12	W. PERSEKUTUAN	4,862	338,587	1,888	536	2,438	0	0
JUMLAH		13,023	1,367,721	5,340	2,363	4,455	251	614
PERATUS (%)		100%	-	41.00%	18.14%	34.21%	1.93%	4.71%

Kawasan pemajuan yang melibatkan bangunan dan harta bersama adalah tertumpu di bandar-bandar utama seperti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Wilayah Persekutuan mencatatkan bilangan kawasan pemajuan yang tertinggi iaitu sebanyak 4,862 (37.33%) daripada jumlah kawasan pemajuan. Ini diikuti oleh negeri Selangor sebanyak 3,653 (28.05%) dengan bilangan petak tertinggi yang sebanyak 574,369 unit. Namun demikian, negeri Perlis mencatatkan bilangan kawasan pemajuan terendah iaitu 2 (0.02%) yang melibatkan 166 petak daripada jumlah kawasan pemajuan.

**RAJAH 19 : PERATUSAN KAWASAN PEMAJUAN MENGIKUT NEGERI
SEHINGGA 31 DISEMBER 2010**



B. ADUAN YANG DITERIMA DI COB, PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

Jumlah keseluruhan aduan yang diterima oleh COB di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi tahun 2010 adalah sebanyak 16,810 aduan. COB negeri yang menerima aduan tertinggi ialah negeri Selangor sebanyak 6,386 aduan (37.99%). Ini diikuti Wilayah Persekutuan 5,209 (30.99%) dan Pulau Pinang 2,539 aduan (15.10%). Selain itu, tiada aduan diterima daripada negeri Perlis sepanjang tahun 2010.

Aduan / pertanyaan Khidmat Nasihat mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 5,007 aduan (29.78%). Ini diikuti aduan mengenai Pentadbiran dan Pengurusan sebanyak 3,225 aduan (19.18%) dan aduan berkaitan Isu Kewangan iaitu sebanyak 2,701 aduan (16.06%). Aduan mengenai Penguatkuasaan COB merupakan aduan terendah yang diterima oleh unit COB di PBT.

JADUAL 20 : STATISTIK ADUAN YANG DITERIMA DI UNIT COB OLEH PBT BAGI TAHUN 2010


BIL.	NEGERI	JENIS ADUAN							JUMLAH ADUAN	PERATUS
		Mesyuarat dan Pemilihan	Pentadbiran dan Pengurusan	Penyenggaraan dan Kerosakan	Isu Kewangan	Khidmat Nasihat	Penguatkuasaan COB	Lain - Lain		
1	SELANGOR	389	696	1,061	743	2,874	137	486	6,386	37.99%
2	W. PERSEKUTUAN	691	1,180	230	1,212	1,352	199	345	5,209	30.99%
3	PULAU PINANG	619	987	332	428	111	25	37	2,539	15.10%
4	JOHOR	95	159	140	115	202	28	290	1,029	6.12%
5	MELAKA	84	63	40	32	284	301	39	843	5.01%
6	NEGERI SEMBILAN	70	65	60	101	100	3	20	419	2.49%
7	PAHANG	37	39	22	29	43	31	2	203	1.21%
8	PERAK	7	27	19	29	29	3	14	128	0.76%
9	KEDAH	4	9	2	8	7	0	2	32	0.19%
10	TERENGGANU	5	0	1	3	5	0	1	15	0.09%
11	KELANTAN	3	0	1	1	0	0	2	7	0.04%
JUMLAH		2,004	3,225	1,908	2,701	5,007	727	1,238	16,810	100%

PENGURUSAN ADUAN OLEH JPN

Sehingga 31 Disember 2010, sebanyak 5,257 aduan berkaitan perumahan telah diterima oleh JPN dari pelbagai sumber dan semua aduan (5,257 aduan) telah diselesaikan sepenuhnya.

Daripada 5,257 aduan yang diterima, saluran yang paling banyak digunakan oleh pengadu adalah hadir sendiri ke pejabat iaitu sebanyak 1,794 aduan (34.10%). Ini diikuti melalui faks sebanyak 1,130 aduan (21.50%). Selain itu, tiada aduan disalurkan melalui khidmat pesanan ringkas (SMS).

RAJAH 20 : SUMBER ADUAN BAGI TAHUN 2010



NOTA KETERANGAN

SINGKATAN

- i) KPKT : Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- ii) JPN : Jabatan Perumahan Negara
- iii) SPP : Skim Pinjaman Perumahan
- iv) PPR : Program Perumahan Rakyat
- v) COB : Pesuruhjaya Bangunan
- vi) MC : *Management Corporation* (Perbadanan Pengurusan)
- vii) JMC : *Joint Management Committee* (Badan Pengurusan Bersama)

KLASIFIKASI HARGA

- Kos Rendah (Kurang daripada RM 42,000)
- Kos Sederhana (RM 42,001 - RM 100,000)
- Kos Bebas (Melebihi RM 100,000)

DEFINISI

- 1) **Projek Lewat** ditakrifkan sebagai projek yang mengalami kelewatan dalam tempoh pembinaan di mana perbezaan jurang kemajuan kerja sebenar di tapak berbanding jadual kerja yang ditetapkan dalam Perjanjian Jual dan Beli adalah di antara 10% hingga 30%.
- 2) **Projek Sakit** ditakrifkan sebagai projek yang mengalami kelewatan dalam tempoh pembinaan di mana perbezaan jurang kemajuan kerja sebenar di tapak berbanding jadual kerja yang ditetapkan dalam Perjanjian Jual dan Beli (PJB) adalah melebihi 30% atau projek-projek yang telah tamat PJB .
- 3) **Peratus Perubahan** = $\left\{ \frac{\text{Bilangan tahun semasa} - \text{Bilangan tahun lepas}}{\text{Bilangan tahun lepas}} \right\} \times 100$

- 4) **Kadar Penjualan PPR Dimiliki** = $\left\{ \frac{\text{Unit yang telah jual (tandatangan Perjanjian Jual Beli)}}{\text{Bilangan unit yang siap dibina}} \right\} \times 100$
- 5) **Pemajuan Perumahan** bermaksud memajukan atau membina atau menyebabkan dibina dengan apa-apa cara sekalipun lebih daripada empat unit rumah tempat tinggal dan termasuklah pengutipan wang atau perjalanan apa-apa pengendalian bangunan bagi maksud mendirikan rumah tempat tinggal dalam, pada, atas atau di bawah mana-mana tanah; atau penjualan lebih empat lot tanah atau lot bangunan dengan tujuan membina lebih daripada empat unit rumah tempat tinggal.
- 6) **Projek perumahan terbengkalai** ditakrifkan sebagai projek yang mempunyai kriteria seperti berikut:
- (a) Projek yang tidak siap dalam atau luar tempoh Perjanjian Jual Beli pertama dan tiada sebarang aktiviti yang ketara di tapak pembinaan selama 6 bulan secara berterusan; atau
 - (b) Petisyen pengguguran telah didaftarkan di Mahkamah Tinggi di bawah Seksyen 218 Akta Syarikat 1965 atau undang-undang yang berkaitan; atau
 - (c) Syarikat pemaju telah diletakkan di bawah Pegawai Penerima dan Pengurus (*Receiver and Manager*); atau
 - (d) Pemaju memaklumkan bahawa tidak berupaya untuk meneruskan projek secara bertulis kepada Pengawal Perumahan; dan
 - (e) Disahkan projek terbengkalai oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan selaras dengan Seksyen 11(1)(ca) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118].

- 7) **Skim Pinjaman Perumahan (SPP)** diwujudkan bertujuan memberi pinjaman perumahan kepada golongan berpendapatan rendah yang tidak mendapat punca pinjaman lain untuk membina atau membeli rumah kos rendah yang siap dalam usaha meningkatkan taraf kehidupan mereka.
- 8) **Program Perumahan Rakyat (PPR) Bersepadu** diperkenalkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pada tahun 1998. Pembinaan PPR Bersepadu di seluruh Negara disasarkan bagi tujuan penempatan semula setinggan khususnya di bandar-bandar utama di samping untuk menjana pertumbuhan ekonomi negara melalui sektor perumahan serta industri-industri yang berkaitan dengannya. Program ini telah dihentikan dan digantikan dengan PPR Disewa Dasar Baru.
- 9) **Program Perumahan Rakyat (PPR) Disewa Dasar Baru** mula dilaksanakan oleh JPN setelah program ini diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 27 Februari 2002 supaya PPR Bersepadu diteruskan pelaksanaannya dengan nama PPR Disewa. Kedua-dua program ini adalah bertujuan untuk disewakan kepada golongan sasaran (golongan yang berpendapatan rendah dan setinggan) pada kadar RM124.00 sebulan.
- 10) **Program Perumahan Rakyat (PPR) DiMiliki** mula dilaksanakan setelah diluluskan cadangan mengenainya oleh Jemaah Menteri pada 27 Februari 2002. Ia bertujuan untuk membolehkan golongan yang berpendapatan rendah berpeluang untuk memiliki rumah sendiri. Sehingga kini, program ini hanya dilaksanakan di negeri Pahang. Rumah-rumah PPR Dimiliki dijual di antara RM30,000 - RM35,000 seunit.
- 11) **Kawasan pemajuan** ertinya mana-mana tanah beri hakmilik yang dipegang sebagai satu lot di bawah hakmilik muktamad (sama ada hakmilik Pejabat Pendaftar atau Pejabat Tanah) yang di atasnya bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk pecah bahagi kepada petak dibina atau sedang dalam pembinaan.

- 12) **Setinggalan** didefinisikan sebagai aktiviti penerokaan / pendudukan / pembinaan bangunan di atas tanah hak kepunyaan pihak lain (sama ada tanah kerajaan, tanah rezab kerajaan, tanah agensi kerajaan, tanah komuniti, tanah persendirian dan lain-lain) secara tidak sah dari segi undang-undang.